

Apakah punca di sebalik bekalan ayam M'sia terputus?

MALAYSIA: Sejak beberapa minggu lalu, harga ayam mula naik.

Pada hujung minggu lalu, bekalan mula terputus di pasar basah.

Laporan Malaysiakini menyorot punca perkara itu dan meneliti isu jaminan makanan di Malaysia.

APAKAH DIMAKSUDKAN DENGAN JAMINAN MAKANAN?

Jaminan makanan sebahagian besarnya merujuk kepada keupayaan sesebuah negara untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyatnya.

Ia diukur dengan nisbah pergantungan import dan sara diri, yang mengukur berapa banyak komoditi pertanian terpilih diimport.

Daging ayam dan telur ayam serta itik adalah produk makanan yang penting kerana ia adalah produk haiwan yang paling banyak digunakan di Malaysia dan merupakan sumber utama protein.

Rakyat Malaysia mengambil 47.4 kilogram daging ayam dan 20.7 kilogram telur ayam dan itik setiap orang pada 2020, berbanding daging lain seperti daging lembu (5.7 kilogram setiap orang), daging kambing (1.3 kilogram) dan daging babi (17.5 kilogram).

BERAPA BANYAK MAKANAN YANG DIIMPORT OLEH MALAYSIA?

Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia**, Malaysia semakin bergantung kepada produk makanan import dan mengalami defisit perdagangan bagi produk itu, seperti dinukil Malaysiakini.

Nisbah pergantungan import meningkat kepada 13.7 peratus pada 2015, meningkat daripada 7.4 peratus pada 1987.

Pada tahun 2020, antara bahan makanan yang Malaysia bergantung kepada import ialah mangga (86.2 peratus diimport), kobis bulat (63.6 peratus), sotong (52.5 peratus), daging kambing (90.4 peratus), daging lembu (78.1 peratus) dan susu segar (53.5 peratus).

Bagaimanapun, Malaysia dianggap mampu menampung bekalan sendiri bagi daging ayam, dengan mengeluarkan kira-kira 98.2 peratus daripada keperluan domestiknya.

JADI MENGAPA BEKALAN AYAM DI PASARAN MALAYSIA TERPUTUS BEBERAPA HARI LALU?

Walaupun Malaysia mengeluarkan daging ayam yang mencukupi untuk keperluan tempatannya, industri penternakan ayam sangat bergantung kepada makanan ayam yang diimport.

Hampir semua bijirin yang diperlukan untuk membuat makanan ayam diimport dari Amerika Syarikat (AS) dalam dolar AS dan terdedah kepada turun naik mata wang.

Malaysia mengimport kira-kira 80 peratus jagung bijirannya dari Brazil dan Argentina, manakala 96 peratus kacang soya berasal dari Argentina.

Persekutuan Persatuan Peladang Ternakan Malaysia (FLFAM) menyatakan bekalan terganggu berikutan keadaan cuaca buruk di negara pembekal, sementara pemerintah di sana mengaitkan perkara itu dengan perubahan iklim.

Ini menyebabkan harga bijirin meningkat, melonjakkan kos bagi penternak ayam, yang sudahpun mengalami kejatuhan ringgit.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menganggarkan harga jagung bijirin sudah meningkat dari RM500 (S\$156) satu tan kepada RM1,900 (S\$594) satu tan dalam beberapa keadaan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kenaikan mendadak pada kos jagung dan makanan kacang soya mengakibatkan kenaikan 70 peratus kos penternakan ayam.

TETAPI MENGAPA SAYA TIDAK BOLEH MENDAPATKAN AYAM SAMA SEKALI, WALAUPUN PADA HARGA YANG LEBIH TINGGI?

Kerajaan mengawal harga barangan makanan utama dan sudah menetapkan harga siling untuk ayam.

Bagi memastikan ini, ia memberikan subsidi makanan ayam kepada penternak, pada kadar 60 sen (S\$0.19) sekilogram.

Bagaimanapun, beberapa penternak mengadu bahawa terdapat kelewatan pada pengeluaran, menyebabkan ayam tidak mendapat jumlah dan kualiti pengambilan makanan yang sama.

Ringgit yang semakin lemah juga bermakna subsidi mungkin tidak mencukupi.

<https://berita.mediacorp.sg/dunia/apakah-punca-di-sebalik-bekalan-ayam-msia-terputus-662436>